



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**
www.ijepc.com



IMPLIKASI PdPr MENERUSI ONLINE SEMASA PANDEMIK COVID-19: SATU TINJAUAN TERHADAP PERSEPSI GURU-GURU DI SEKOLAH SEKITAR DAERAH KOTA KINABALU, SABAH

*IMPLICATIONS OF ONLINE LEARNING DURING THE COVID-19 PANDEMIC:
A SURVEY ON THE PERCEPTION OF TEACHERS IN SURROUNDING
SCHOOLS DISTRICT OF KOTA KINABALU, SABAH*

Saifulazry Mokhtar^{1*}, Irma Wani Othman^{2*}, Habibah @ Artini Ramlie³, Sarinab Ariffin @ Eduny⁴

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: irma@ums.edu.my

³ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: habibah_artini@ums.edu.my

⁴ Sekolah Kebangsaan Ladang Sandak, Sandakan, Sabah, Malaysia
Email: nimskief@yahoo.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 31.12.2021

Revised date: 25.01.2022

Accepted date: 28.02.2022

Published date: 15.03.2022

To cite this document:

Mokhtar, S., Othman, I. W., Ramlie, H. A., & Ariffin @ Eduny, S. (2022). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru Di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 96-111.

Abstrak:

Pendidikan merupakan satu aspek terpenting dalam proses kelangsungan penerapan ilmu kepada para pelajar, apatah lagi dalam situasi pandemik Covid-19. Tanpa ilmu pengetahuan yang secukupnya sudah pasti mereka akan hanyut dibawa arus gelombang dunia yang tiada sempadan. Ilmu yang mantap akan dapat memacu seseorang pelajar untuk sentiasa berada tepat pada landasannya serta dapat membina landskap kehidupan dengan baik. Justeru, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk melihat implikasi PdPr menerusi online semasa penularan pandemik Covid-19 tinjauan terhadap persepsi guru-guru di sekolah sekitar daerah Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif berdasarkan soal selidik yang diedarkan menerusi *Google Form*. Terdapat seramai 255 responden dalam kalangan guru-guru di sekolah sekitar daerah Kota Kinabalu telah meluangkan masa untuk turut serta memberikan pandangan dan persepsi mereka dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian menemui terdapat sembilan implikasi positif PdPr menerusi online seperti lebih baik dilaksanakan PdPr online dari tiada kelas, ibu bapa banyak membantu pelajar dalam PdPr, pelajar dapat mengaplikasikan teknologi dalam

DOI: 10.35631/IJEPC.745008

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



pendidikan dengan baik dan sebagainya. Kajian ini turut mendapati lapan implikasi negatif dalam PdPr secara atas talian berdasarkan kepada maklum balas guru-guru di sekolah sekitar daerah Kota Kinabalu. Implikasi negatif yang utama adalah pelajar tidak mempunyai kemudahan secukupnya untuk turut serta dalam PdPr kerana tidak mempunyai gajet, tidak mempunyai data yang mencukupi, jaringan telekomunikasi yang tidak menentu serta masalah sosio ekonomi keluarga. Dapatkan ini jelas menggambarkan situasi sebenar tahap pencapaian dan penglibatan pelajar semasa pelaksanaan PdPr secara online. Semoga hasil dapatan kajian ini dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia khasnya membuat penstrukturkan semula kaedah pengajaran dan pembelajaran secara online pada masa akan datang bagi memastikan tidak ada pelajar yang ketinggalan dalam pelajaran harian.

Kata Kunci:

Implikasi PdPr, Dalam Talian, Pandemik Covid-19, Persepsi Guru, Sekolah

Abstract:

Education is one of the most important aspects of the process of insulation of knowledge to students, not to mention in the covid-19 pandemic situation. Without adequate knowledge, they would have drifted away with the waves of a borderless world. Strong knowledge will be able to spur a student to stay on track and to be able to build a good life landscape. Therefore, this study is aimed at looking at the implications of PdPr through online during the Covid-19 pandemic survey on the perception of teachers in schools around the district of Kota Kinabalu, Sabah. The study used quantitative methodology based on questionnaires distributed through Google Form. There were 255 respondents among the teachers in schools around Kota Kinabalu district who took the time to participate in the study. The findings show that there are nine positive implications of PdPr through online such as better implemented PdPr online than no classes, parents help students in PdPr, students can apply technology in Education well and so on. The study also found eight negative implications in online PdPr based on the feedback of teachers in schools around Kota Kinabalu district. The main negative implication is that students do not have sufficient facilities to participate in PdPr because they do not have gadgets, do not have enough data, uncertain telecommunication networks and family socio-economic problems. This finding clearly illustrates the actual situation of student achievement and involvement during the implementation of PdPr online. Hopefully, the findings of this study will help the Ministry of Education specially to restructure the online teaching and learning methods in the future to ensure that no students are left behind in daily lessons.

Keywords:

PdPr Implications, Online, Covid-19 Pandemic, Perception Of Teachers, Schools

Pengenalan

Bagi memastikan kelangsungan pendidikan dalam era pandemik Covid-19, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyarankan setiap guru di Malaysia melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPr) menerusi online bagi melestarikan pendidikan dalam kalangan pelajar. Kecaknaan ini telah dibuktikan dengan adanya Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 2020 yang bertujuan untuk memberikan garis panduan kepada semua pihak pentadbir sekolah, guru, ibu bapa dan pelajar bagi mengelakkan

pelajar keciciran dalam pelajaran terutama kepada pelajar yang akan menduduki peperiksaan awam pada tahun semasa (Mokhtar & rakan-rakan, 2021a). Saranan utama dari pihak KPM dalam kelangsungan pengajaran dan pembelajaran semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penularan pandemik Covid-19 adalah menerusi pelaksanaan PdPr secara atas talian menerusi kaedah yang bersesuaian dengan keadaan guru dan pelajar.

Pihak KPM tidak ada pilihan lain dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran ketika PKP melainkan dengan kaedah PdPr secara online. Saranan melaksanakan PdPr adalah satu perkongsian idea yang baik dan sejajar dengan perkembangan teknologi semasa yang menerapkan penggunaan teknologi dalam pendidikan selaras dengan pendidikan abad ke-21. Ia juga bertujuan untuk turut serta dengan pihak kerajaan bagi mengawal dan melandaikan lekuk penularan virus Covid-19 dalam kalangan masyarakat. Walaupun terdapat pelbagai kekangan dan halangan yang dihadapi oleh pelajar dalam menyahut hasrat KPM tersebut menerusi PdPr, namun ia tetap diteruskan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat pandangan dan persepsi para guru di sekolah sekitar daerah Kota Kinabalu, Sabah terhadap proses PdPr yang mereka jalankan selama PKP dilaksanakan. Hasil kajian ini dapat mempotretkan realiti sebenar PdPr yang dilalui oleh guru dan pelajar dalam mengaplikasikan saranan KPM khususnya di daerah Kota Kinabalu, Sabah.

Tinjauan Literatur

Pandemik Covid-19 telah meninggalkan kesan yang sangat mendalam terhadap landskap kehidupan kita hari ini, khususnya dalam bidang pendidikan. Corak pembelajaran turut menempa dan berubah hampir 100% daripada bersemuka secara fizikal kepada penggunaan online sepenuhnya. Pengadaptasian ini telah memberikan impak terhadap masyarakat khususnya kepada golongan pelajar yang masih berusaha menuntut ilmu bagi mengejar cita-cita yang diidamkan. Kajian terhadap tinjauan *Prospek Pengajaran dan Pembelajaran Online Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan pandemik Covid-19 di Sandakan, Sabah* (Mokhtar & rakan-rakan, 2021c) serta kajian terhadap resolusi yang diambil oleh pihak KPM bagi memastikan kesinambungan pendidikan pelajar-pelajar sepanjang tempoh PKP (Mokhtar & rakan-rakan, 2021b) telah dijalankan bagi melihat keupayaan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian mengikut lokasi yang dipilih. Pembelajaran secara online dapat memberikan tambah nilai kepada pelajar yang menggunakan kaedah perantis adalah lebih baik dari sudut reka bentuk, susun atur, pilihan warna serta semua pautannya berfungsi berbanding pelajar yang menggunakan kaedah tradisional (Sidin & Mohamad, 2007). Pendekatan Kaedah Interaktif dalam Pendidikan Islam juga dilihat suatu tuntutan dalam pendidikan masa kini kerana ia mampu memberi kefahaman yang gitu kepada pelajar secara langsung (Moharam & rakan-rakan, 2021).

Skop pembelajaran secara online ini sebenarnya dapat diklasifikasikan kepada dua bentuk pembelajaran dalam talian iaitu secara bersemuka (*Synchronous Learning*) ataupun secara tidak bersemuka (*Asynchronous Learning*). Ia dapat diaplikasikan menerusi keupayaan guru dan pelajar yang mempunyai sumber kemudahan internet yang mencukupi. Menurut Ismail (2020), terdapat banyak *Learning Tools* yang boleh diaplikasi mengikut keperluan pembelajaran seperti *Microsoft Teams*, *Facebook Live* atau *Google Classroom* serta *Google Meet*, *Big Blue Button*, *Zoom* dan sebagainya (Aripin & Bunyamin, 2020). Bagi memastikan kaedah pembelajaran secara online atau PdPr yang berkesan, terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira seperti pembinaan kawalan persekitaran, kepentingan interaksi secara interaktif, latihan yang efektif dan berkesan, akses capaian teknologi yang maksimum, tahap piawaian yang standard, jaminan kualiti sumber yang tidak terhad serta sokongan institusi

pendidikan yang menjalankan kaedah pembelajaran atas talian (Razak, 2020). Dalam pada masa yang sama juga, para pendidik juga perlulah menggunakan seluruh kreativiti dan kemahiran yang mereka perolehi untuk berinteraksi dan menarik minat pelajar dalam melaksanakan proses PdPr dengan mengadaptasi kaedah *Open and Distance Learning* (ODL) sebagai medium pembelajaran alternatif (Sabran, 2020).

Tidak dinafikan juga bahawa pembelajaran secara online ini mengandungi kekangan dan halangan dalam pelaksanaannya. Masalah dan kekangan berkaitan dengan mendapatkan jaringan internet juga bukanlah satu isu yang baharu khususnya bagi mereka yang berada di kawasan yang jauh dengan bandar. Bahkan, sebelum pandemik Covid-19 ini menular lagi, kawasan-kawasan yang terletak jauh dari pusat bandar, pedalaman dan kawasan pulau yang tidak mempunyai rangkaian internet yang baik turut dibahaskan dalam sidang parlimen dan pihak kerajaan telah mengambil inisiatif bagi melandaikan masalah ini ke sekitar negeri Sabah dan Sarawak (Berita Harian, 2020) serta merapatkan jurang perbezaan antara rakyat dalam isu capaian internet di antara golongan miskin dan sederhana dapat di atasi (Sinar Harian, 2020). Selain itu, kekangan utama dalam pelaksanaan PdPr secara online turut melibatkan ketiadaan gajet, ketiadaan data internet, tiada liputan internet, faktor keberadaan pelajar di kawasan luar bandar serta tahap sosio ekonomi keluarga yang tidak menentu (Mokhtar & rakan-rakan, 2021a).

Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada tinjauan kajian lepas, kajian berkaitan dengan *Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah* belum pernah dijalankan. Walaupun terdapat beberapa kajian berkaitan dengan pembelajaran secara online, namun ia tidak melibatkan persepsi dan pandangan guru terhadap isu tersebut. Sememangnya pihak KPM sangat menitik beratkan proses PdPr semasa penularan Covid-19 dengan mengeluarkan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 2020 sebagai satu tanda aras terhadap pelaksanaan dan kelangsungan pengajaran dan pembelajaran semasa wabak Covid-19 menular di negara kita (Mokhtar & rakan-rakan, 2021b). Pihak KPM turut menggerakkan semua organisasi pendidikan di setiap negeri yang berada di Malaysia sama ada di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta Majlis Guru-guru Besar (MGB) untuk meneruskan kelangsungan pendidikan ini dengan berpaksikan kemahiran dan kreativiti guru menerusi online dan sebagainya. Pendekatan ini merupakan elemen-elemen merentas kurikulum alaf ke-21 yang telah diterapkan oleh KPM sebelum penularan Covid-19 lagi (Mokhtar & rakan-rakan, 2019).


Metodologi Kajian

Metodologi Kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan dua kaedah campuran iaitu kaedah soal selidik dan temu bual. Kaedah soal selidik telah dijalankan ke atas 255 orang responden secara rawak yang terdiri daripada barisan guru-guru yang mengajar di sekolah sekitar daerah Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini juga melibatkan guru-guru yang mengajar di sekolah menengah dan sekolah kebangsaan sama ada sekolah tersebut berada dalam kawasan bandar, luar bandar dan pinggir bandar menerusi soal selidik dalam *Google Form*. Pengisian soal selidik ini telah dijalankan selama sebulan bermula 1 Disember 2021 sehingga 31 Disember 2021. Pendekatan soal selidik menerusi *Google Form* ini adalah sejajar dengan perkembangan teknologi masa kini serta dapat mengurangkan risiko jangkitan Covid-19 dalam kalangan masyarakat. Hasil dapatan maklum balas dari *Google Form* tersebut telah diterjemah ke dalam bentuk carta pai dan graf bagi memudahkan data difahami. Manakala data dari temu bual yang dijalankan akan dijadikan sebagai justifikasi kepada maklumat data soal selidik yang

diperolehi (Mokhtar & rakan-rakan, 2021d) bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan persepsi guru-guru terhadap implikasi PdPr menerusi online semasa penularan pandemik Covid-19 khususnya di sekitar daerah Kota Kinabalu, Sabah.

Dapatan dan Perbincangan

Kajian ini melibatkan guru-guru yang mengajar di sekolah sekitar Kota Kinabalu, Sabah. Berdasarkan Rajah 1, 49.4 % responden adalah dari sekolah yang berada di kawasan bandar Kota Kinabalu manakala 44.3 % responden pula adalah mereka yang berkhidmat di sekolah sekitar kawasan luar bandar Kota Kinabalu. Hanya 6.3% sahaja responden yang mengajar di kawasan pinggir bandar Kota Kinabalu yang terlibat dalam kajian ini.



Rajah 1: Lokasi Sekolah

Sumber: Kajian Lapangan 2021

Secara keseluruhannya, terdapat seramai 255 orang responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini dengan melibatkan 41 buah sekolah sekitar daerah Kota Kinabalu, Sabah. Jika diperincikan dengan lebih mendalam, terdapat 17 buah sekolah dalam kategori kawasan bandar yang terlibat dalam memberikan maklum balas dengan soal selidik yang diedarkan menerusi *Google Form*. Manakala jumlah sekolah dalam kategori luar bandar pula adalah sebanyak 13 buah sekolah dan hanya terdapat sebuah sekolah dalam kategori pinggir bandar. Secara kasarnya, hasil kajian yang dijalankan ini dapat menggambarkan dapatan sebenar lokasi dan kedudukan sekolah terhadap maklum balas proses PdPr ketika berlakunya pandemik Covid-19 khususnya di daerah Kota Kinabalu, Sabah.

Hasil dapatan kajian terhadap mata pelajaran yang diajar oleh responden menunjukkan guru-guru terdiri daripada mereka yang mengajar pelbagai mata pelajaran sama ada subjek teras mahupun elektif. Kepelbagaiannya mata pelajaran yang diajar oleh responden ini dapat mewakili keseluruhan permasalahan, cabaran dan kekangan guru-guru dalam melaksanakan PdPr secara online ketika penularan pandemik Covid-19. Berdasarkan kepada maklum balas dari responden berkaitan dengan pelaksanaan PdPr semasa pandemik Covid-19, 100% daripada guru-guru di sekolah sekitar Kota Kinabalu, Sabah melaksanakan PdPr seperti mana yang di sarankan oleh pihak KPM. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kota Kinabalu, pihak sekolah dan guru-guru telah melakukan pelbagai inisiatif bagi memastikan kesinambungan dan kelangsungan pendidikan dapat disampaikan kepada para pelajar semasa berlakunya penularan wabak Covid-19 di daerah Kota Kinabalu, Sabah. Pelbagai medium dan wahana selaras dengan kepesatan perkembangan teknologi telah

digabung jalin bagi mandapatkan satu ramusan yang sesuai untuk disajikan kepada pelajar hanya semata-mata membekalkan mereka ilmu pengetahuan yang secukupnya.



Rajah 2: Pendekatan PdPr semasa Covid-19

Sumber: Kajian Lapangan 2021

Dengan berpandukan kepada hasil dapatan kajian yang dijalankan, terdapat pelbagai pendekatan dan kaedah yang telah digunakan oleh guru-guru ketika PdPr semasa PKP penularan Covid-19 di sekolah sekitar Kota Kinabalu, Sabah seperti yang tertera dalam Rajah 2. Manhaj atau medium yang digunakan oleh guru-guru dalam memastikan PdPr terlaksana kepada para pelajar adalah menerusi aplikasi *WhatsApp*, *Telegram*, *Google Meet*, *Google Classroom*, pelantar Delima, *Webex* dan sebagainya. Berdasarkan kepada Rajah 2 di atas jelas menunjukkan bahawa majoriti daripada guru-guru menggunakan aplikasi *WhatsApp* dan *Telegram* sebagai medium utama dalam PdPr. Dapatan menunjukkan seramai 222 (87.1%) guru-guru yang menggunakan aplikasi *WhatsApp* sebagai medium utama dalam pelaksanaan PdPr manakala penggunaan aplikasi *Telegram* pula adalah seramai 130 (51%). Dapatan ini juga menggambarkan pelaksanaan PdPr secara tidak bersemuka (*Asynchronous Learning*) lebih mendominasi pembelajaran secara bersemuka (*Synchronous Learning*) di daerah Kota Kinabalu.

Selain itu, terdapat juga guru-guru di daerah Kota Kinabalu yang menggunakan medium pembelajaran PdPr secara bersemuka dengan menggunakan aplikasi *Google Meet* iaitu seramai 111 orang atau 43.5%. Namun, medium PdPr ini tidak mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan pelajar kerana ia memerlukan data yang lebih untuk mengikuti kelas online menerusi *Google Meet* tersebut. Menurut Benedict (2021), kaedah pengajaran PdPr secara online memang banyak diperkenalkan semasa penularan Covid-19. Namun, secara individunya tidak semua pelajar dapat belajar secara online kerana kekangan gajet dan ketiadaan internet terutamanya di luar bandar. Tambahan beliau lagi, dengan keadaan ibu bapa pelajar yang bekerja sendiri dan terpaksa menggunakan kemudahan telefon serta tidak mampu untuk menyediakan gajet dan internet menjadi penghalang kepada pelajar untuk mengikuti PdPr. Dengan kekangan tersebut sedikit sebanyak telah meninggalkan perasaan stress dengan jumlah kehadiran pelajar yang mengecewakan setiap kali PdPr dijalankan.

Bagi merealisasikan hasrat dan harapan KPM semasa berlakunya penularan Covid-19, guru-guru yang berada di kawasan luar bandar Kota Kinabalu perlu mencari inisiatif lain dalam mengembangkan ilmu pengetahuan kepada para pelajarnya. Ini kerana, terdapat beberapa halangan yang dihadapi oleh pelajar untuk mengikuti PdPr secara online seperti mana yang di-

sarankan oleh pihak KPM terutamanya bagi pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar Kota Kinabalu. Antara pendekatan yang diambil oleh guru untuk menggantikan PdPr secara online adalah menerusi penyediaan modul pembelajaran dan kaedah masteri (Ling, 2021). Menurut Muris (2021), Sulaiman (2021) & Gaham (2021), penyediaan modul pembelajaran kepada pelajar adalah satu pendekatan yang diaplikasikan oleh mereka dalam PdPr semasa pandemik Covid-19. Kaedah ini lebih sesuai digunakan oleh guru-guru yang mengajar di sekolah kawasan luar bandar Kota Kinabalu dan memastikan kelangsungan ilmu dalam setiap diri pelajar berbanding menerusi PdPr secara online.


Walau bagaimanapun, terdapat juga dalam kalangan guru-guru yang menyediakan modul terarah (Jumaring, 2021) dan penyediaan modul secara digital (Ismail, 2021). Bagi Samsudin (2021) pula, melaksanakan kaedah gabungjalin ketika PdPr iaitu pelajar yang mempunyai kemudahan yang cukup akan belajar secara online manakala bagi pelajar yang tidak mempunyai kemudahan online akan bergantung kepada modul pembelajaran yang disediakan oleh guru. Menurut Kiang (2021), guru-guru terpaksa pergi ke rumah pelajar untuk menghantar dan mengambil modul atau kertas soalan bagi memastikan mereka dapat mengikuti PdPr sebaiknya ketika penularan pandemik Covid-19. Usaha sebegini perlu dilaksanakan oleh guru-guru bagi memastikan pelajarnya dapat mengikuti PdPr walaupun tidak melaksanakan secara online atas kekangan dan halangan yang dihadapi.



Rajah 3: Maklum balas PdPr

Sumber: Kajian Lapangan 2021


Kajian turut melihat maklum balas dari kalangan pelajar dalam PdPr menerusi pandangan dan persepsi guru-guru yang mengajar mereka. Rajah 3 di atas menunjukkan hasil dapatan kajian yang dijalankan iaitu sebanyak 69.4% pelajar yang memberikan maklum balas yang baik dalam PdPr yang dijalankan. Manakala sebanyak 30.6% pelajar yang tidak memberikan respon baik dengan PdPr yang dilangsungkan oleh guru-guru. Menurut Edwin (2021) & Asimin (2021), antara faktor utama yang menyumbang kepada maklum balas yang tidak baik dalam PdPr adalah tiadanya motivasi belajar dalam kalangan pelajar. Selain itu, terdapat juga sesetengah pelajar yang tidak menunjukkan minat yang baik semasa PdPr dijalankan (Ping, 2021). Faktor ini sekaligus meruntun hasrat murni guru-guru untuk meneruskan PdPr dan membimbing pelajar untuk terus maju dalam pelajaran.



Rajah 4: Kehadiran Pelajar Ketika PdPr

Sumber: Kajian Lapangan 2021

Pengkaji turut mendapatkan prospek guru-guru terhadap kehadiran pelajar dalam PdPr di sekolah-sekolah sekitar daerah Kota Kinabalu, Sabah. Berdasarkan rajah 4 di atas, jelas menunjukkan sebanyak 54.1% pelajar tidak hadir dalam PdPr yang dijalankan oleh guru-guru dan hanya sebanyak 45.9% sahaja pelajar yang sering mengikuti kelas online. Menurut Ghazali (2021), kehadiran pelajar dalam PdPr secara online sangat mengecewakan. Ini kerana, mereka tidak hadir ke kelas PdPr bukan disebabkan oleh sikap malas atau tidak minat untuk belajar tetapi ketidakhadiran mereka adalah disebabkan oleh masalah kemudahan dan peralatan semasa kelas PdPr seperti tiadanya gajet sendiri, data yang tidak mencukupi serta kadar jaringan telekomunikasi yang sangat lemah.



Rajah 5: Purata Kehadiran Pelajar dalam PdPr

Sumber: Kajian Lapangan 2021

Apabila dilihat menerusi anggaran purata kehadiran pelajar dalam PdPr mengikut subjek-subjek yang diajar oleh guru, hanya 23.9% pelajar yang kerap hadir 81-100% kehadiran dalam PdPr yang dijalankan. Manakala peratusan purata kehadiran antara 61-80% pula adalah sebanyak 24.3%. Secara keseluruhannya, purata kehadiran pelajar dalam PdPr semasa pandemik Covid-19 adalah pada tahap sederhana iaitu sebanyak 29% antara 41-60%. Selain itu, data turut menunjukkan bahawa purata kehadiran pelajar yang tidak hadir dan lemah (0-40%) dalam PdPr turut memaparkan momentum yang tinggi iaitu sebanyak 22.4%. Jika dirumuskan di sini berkaitan dengan purata pelajar yang tidak mengikuti PdPr di daerah Kota Kinabalu adalah sangat merungsingkan berbanding dengan mereka yang mengikuti PdPr secara berkala dan istiqamah iaitu sebanyak 51.4%. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa

pelaksanaan PdPr semasa penularan Covid-19 tidak mendapat sambutan yang baik dalam kalangan pelajar-pelajar di sekolah sekitar daerah Kota Kinabalu, Sabah.



Rajah 6: Pencapaian Pelajar selepas PdPr

Sumber: Kajian Lapangan 2021

Setelah PdPr dijalankan, para pelajar akan dikehendaki untuk menjawab soalan dan latihan bagi pengukuhkan kepada apa yang mereka pelajari ketika dalam kelas online secara bersempena (*Synchronous Learning*). Dalam pada itu, pengkaji cuba mendapatkan maklum balas dari kalangan guru-guru berkaitan tahap kepuasan hati dengan pencapaian pelajar dalam jawapan dan latihan yang diberikan selepas PdPr dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan 64.7% daripada responden tidak berpuas hati dengan tahap pencapaian pelajar selepas PdPr dijalankan dan hanya sebanyak 35.3% sahaja guru-guru yang berpuas hati dengan keputusan dan pencapaian pelajar.



Rajah 7: Tahap Sebenar Pencapaian Pelajar dalam PdPr


Sumber: Kajian Lapangan 2021

Dalam persoalan berkaitan dengan tahap sebenar pencapaian pelajar dalam PdPr semasa Covid-19 di sekolah-sekolah sekitar daerah Kota Kinabalu, 63.1% guru-guru mengatakan bahawa mereka tidak dapat memastikan tahap pencapaian sebenar pelajar dalam PdPr yang dijalankan. Ini kerana, ramai dalam kalangan pelajar yang menjawab soalan dengan tepat serta jauh berbeza dengan pembelajaran secara fizikal di dalam bilik darjah. Menurut Lee (2021), terdapat segelintir dari pelajar yang menjawab soalan dengan bantuan ibu bapa, merujuk buku

teks atau mencari jawapan dari internet bagi menjawab soalan yang diberikan oleh guru-guru. Selain itu, terdapat juga segelintir ibu bapa yang membantu pelajar untuk menjawab soalan latihan dan peperiksaan dengan memberikan jawapan terus tanpa memberi tunjuk ajar terlebih dahulu. Hal ini jelas menunjukkan bahawa tahap pencapaian sebenar pelajar dalam PdPr sangat sukar untuk diukur dan ditentukan melainkan dengan menguji mereka semula dalam bilik darjah.

Persepsi Guru terhadap Implikasi PdPr Menerusi Online semasa pandemik Covid-19

Secara keseluruhannya, terdapat dua bentuk implikasi PdPr secara online menurut pandangan guru-guru di sekolah sekitar daerah Kota Kinabalu, Sabah iaitu implikasi positif dan negatif. Terdapat sembilan bentuk persepsi positif dan lapan bentuk persepsi negatif yang telah dizahirkan oleh guru-guru dalam pelaksanaan PdPr secara online. Berikut adalah dapatan kajian implikasi PdPr terhadap pelajar menurut persepsi guru.




Rajah 8: Implikasi Positif PdPr

Sumber: Kajian Lapangan 2021

Rajah 8 di atas menunjukkan hasil dapatan kajian berkaitan dengan persepsi guru-guru di sekolah sekitar daerah Kota Kinabalu terhadap implikasi PdPr menerusi online semasa pandemik Covid-19. Terdapat Sembilan implikasi positif yang telah dicetuskan menerusi kaedah PdPr secara online. Implikasi positif pertama PdPr secara online adalah ibu bapa banyak membantu dalam PdPr anak-anaknya. Graf menunjukkan seramai 179 orang guru atau (70.2%) bersetuju ibu bapa sangat memberikan komitmen yang tinggi dalam PdPr secara online. Menurut Gunting (2021) tahap keprihatinan ibu bapa yang tinggi dalam memastikan PdPr anak-anak mereka mengikuti kelas PdPr adalah satu bukti yang mengatakan ibu bapa sangat memberikan kerjasama penuh pelaksanaan PdPr online tersebut. Implikasi positif kedua PdPr secara online adalah lebih baik ada PdPr secara online daripada tiada kelas semasa pandemik Covid-19. Dapatkan kajian menunjukkan 164 orang guru atau (64.3%) bersetuju untuk meneruskan PdPr secara online walaupun mereka ketahui bahawa sambutan PdPr dalam kalangan pelajar kurang memberangsangkan. Dengan kekangan dan masalah yang dihadapi oleh pelajar seperti tidak mempunyai peranti, tiada gajet, data tidak mencukupi serta liputan jaringan rendah, saranan KPM untuk melaksanakan PdPr secara online tetap dijadikan medium dalam melestarikan perkembangan ilmu dalam diri pelajar.

Selain itu, PdPr secara online juga dapat memberikan implikasi positif terhadap pelajar dengan mengaplikasi teknologi dalam pendidikan dengan baik. Terdapat seramai 157 orang guru di sekolah sekitar daerah Kota Kinabalu atau (61.6%) mengatakan bahawa pembelajaran secara online dapat memberikan kemahiran yang tinggi dalam pengetahuan pelajar. Pelajar dapat mengetahui dan mengaplikasi pelbagai bentuk perisian dan aplikasi sewaktu pelaksanaan PdPr secara online. Menurut Shang Ni (2021), pelaksanaan PdPr secara online dapat menjadikan pelajar mahir menggunakan gajet dan aplikasi teknologi untuk memperolehi ilmu pengetahuan. Pelajar juga dapat mengambil peluang untuk belajar menggunakan teknologi terkini walaupun usia masih muda (Lumbidau, 2021). Dengan kemahiran ini sudah pasti pelajar dapat menambah ilmu pengetahuan dalam teknologi serta dapat membiasakan mereka dengan teknologi sedia ada. Para pelajar juga dapat menggunakan teknologi tersebut untuk mencari maklumat dan ilmu berkaitan dengan pelajaran yang mereka ikuti.

Implikasi positif dalam PdPr secara online seterusnya adalah pelajar dapat menghasilkan tugas dengan baik. Seramai 39 orang guru atau (15.3%) dalam kalangan mereka mengatakan hasil tugas pelajar ketika PdPr online adalah lebih baik daripada tugas pelajar ketika Pegajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) secara bersemuka. Persepsi ini hanya berlaku ke atas pelajar yang sering mengikuti PdPr semasa dijalankan, manakala pelajar-pelajar yang tidak dapat mengikuti PdPr tersebut tidak menunjukkan perubahan dalam tugas yang dilaksanakan. Implikasi-implikasi positif yang lain ketika pelaksanaan PdPr secara online adalah ia memberikan kesan positif kepada pelajar dan guru (13.7%) dalam proses menyampaikan ilmu, pelajar lebih mudah untuk belajar secara online berbanding dalam bilik darjah (12.2%), pelajar lebih seronok belajar secara online berbanding secara fizikal (12.2%), pelajar hadir kelas tepat pada masa yang ditetapkan (10.2%) dan keputusan pelajar sangat baik dalam PdPr sebanyak (7.8%).



Rajah 9: Implikasi Negatif PdPr

Sumber: Kajian Lapangan 2021

Pelaksanaan PdPr secara online turut mengundang implikasi negatif menurut pandangan guru-guru di sekolah sekitar daerah Kota Kinabalu, Sabah. Berdasarkan rajah 9 di atas, implikasi negatif yang utama dalam pelaksanaan PdPr secara online adalah pelajar tidak dapat mengikuti kelas PdPr disebabkan oleh tiada gajet, tiada talian telefon atau masalah ekonomi. Dapatkan kajian menunjukkan seramai 188 orang responden atau (73.7%) mengaitkan masalah ini timbul dalam kalangan pelajar-pelajar di daerah Kota Kinabalu. Menurut Mohammad (2021), kaedah PdPr kurang berkesan kerana capaian internet yang lemah dan ketiadaan peranti yang

bersesuaian untuk mengikuti PdPr. Bagi Ayub (2021) & Juil (2021) pula berpendapat, pelajar terpaksa berkongsi gajet dengan adik beradiknya yang lain serta kekangan untuk membeli data bagi tujuan PdPr menjadi penghalang utama bagi pelajar dalam kalangan keluarga yang tidak mempunyai ekonomi yang kukuh. Penggunaan gajet yang tidak terkawal juga akan menyebabkan pelajar terdedah kepada info dan aplikasi yang tidak sesuai seperti permainan atas talian dan sebagainya (Kian, 2021).

Selain itu, pelajar juga tidak menyiapkan latihan dan kerja rumah yang diberikan semasa PdPr dalam tempoh masa yang ditetapkan. Data menunjukkan seramai 170 orang responden atau (66.7%) berpendapat PdPr yang dijalankan semasa pandemik Covid-19 menyukarkan pelajar untuk menyiapkan latihan dan menghantar tugas pada minggu pembelajaran tersebut. Hal ini disebabkan oleh ada dalam kalangan pelajar tidak memahami sepenuhnya cara dan teknik untuk menjawab tugas yang diberikan oleh guru tersebut. Menurut James (2021), terdapat sesetengah daripada pelajar-pelajar menganggap PdPr semasa PKP itu sebagai cuti sekolah. Keadaan ini telah menyebabkan keputusan pelajar dalam PdPr tidak sama dengan keputusan mereka seperti di dalam bilik darjah. Situasi ini dibuktikan dengan seramai 166 orang guru yang turut memberikan pendapat sedemikian. Antara penyebab terjadinya implikasi ini adalah semasa PdPr dijalankan, tugas dan latihan tersebut telah dijawab oleh ibu bapa, bukan pelajar itu sendiri yang menjawabnya (Abdullah, 2021) dan (Yassun, 2021). Pelajar tidak faham sepenuhnya apa yang diajar oleh guru ketika PdPr berlangsung kerana arahan tugas hanya berdasarkan video rakaman dan hanya menerusi aplikasi *whatapps* dan telegram sahaja.

Persepsi guru-guru terhadap implikasi negatif pelaksanaan PdPr secara online adalah PdPr secara online menyukarkan pelajar dan guru untuk menyampaikan ilmu. Data menunjukkan seramai 110 orang responden atau (43.1%) bersetuju pelaksanaan PdPr ini memerlukan masa untuk diaplikasikan sepenuhnya dalam pendidikan. Menurut Ismail (2021) & Timan (2021) berpendapat PdPr memberikan banyak implikasi negatif terhadap pencapaian dan pemahaman pelajar disebabkan oleh tiada komunikasi dua hala antara guru dan pelajar. Jika pelaksanaan PdPr tersebut menggunakan kaedah pembelajaran secara *Synchronous Learning* pasti implikasi ini akan mendatangkan kesan yang baik. Namun, kekangan dan halangan dari sudut kedudukan ekonomi dan lokasi penempatan pelajar yang jauh dari jaringan telekomunikasi membatasi komunikasi ini. Situasi ini menggambarkan penguasaan komunikasi pelajar tidak berkesan, pelajar tidak berkeyakinan untuk memberikan pendapat serta idea pelajar yang tidak bernalas (Ahmad Ali, 2021). Pelajar juga tidak menunjukkan minat yang baik ketika PdPr atas talian dijalankan. Persepsi ini dipersetujui oleh 91 orang dari responden dengan mengatakan pelajar seperti acuh tidak acuh untuk mengikuti PdPr yang dijalankan. Pelajar juga kerap kali lewat masuk ke dalam kelas online menyebabkan pelajar tersebut akan banyak bergantung kepada internet dalam menjawab latihan yang diberikan. Menurut Fung (2021) kebanyakkan pelajar bergantung 100% dengan telefon bimbit dan kurang menggunakan idea sendiri dalam menjawab soalan dan akhirnya mereka tidak dapat berfikir secara kreatif dan kritis.

Implikasi negatif seterusnya adalah ibu bapa tidak membantu sepenuhnya dalam PdPr pelajar iaitu sebanyak (35.5%). Realitinya, PdPr secara online sangat memerlukan sokongan dan dokongan dari pihak ibu bapa. Ini kerana, semasa tempoh PKP pelajar berada di rumah bersama-sama ibu bapa masing-masing. Justeru, ibu bapa menjadi penggerak dan pencetus kepada permulaan PdPr anak-anak mereka setiap hari. Menurut Halim (2021) berpendapat, pada peringkat awal pelaksanaan PdPr dalam tempoh PKP, ibu bapa sangat teruja membantu anak-anaknya dalam PdPr, namun lama kelamaan, mereka merasa jemu dan membiarkan sahaja anak-anaknya dalam PdPr. Hal ini akan memberikan ruang dan peluang kepada pelajar

yang rajin dan berdisiplin sahaja yang akan dapat manfaat lebih dalam PdPr yang dijalankan (John, 2021) manakala pelajar yang malas dan tidak berdisiplin akan ketinggalan dalam pelajarannya. Selain itu, menurut Tshin (2021) ibu bapa yang bekerja tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kepada anak-anak khususnya dalam PdPr dan menyerahkan sepenuh kepercayaan mereka terhadap anak-anaknya. Maka tidak hairanlah, majoriti pelajar yang menghantar kerja atau latihan pada setiap minggu adalah pelajar yang sama (Sukudan, 2021).

Kesimpulan

Implementasi kaedah pembelajaran PdPr secara online semasa pandemik Covid-19 ini ada kelebihan dan ada kekurangannya kepada pelajar. Pelajar yang mempunyai kemudahan yang cukup, lengkap dan sempurna akan mendapat imbalan yang sangat baik dari PdPr secara online tersebut. Manakala bagi pelajar-pelajar yang tidak mempunyai infrastruktur yang lengkap untuk mengikuti pembelajaran secara online akan memberi tekanan kepada mereka untuk bersaing dalam menuntut ilmu pengetahuan. Jika pelajar mempunyai kemudahan yang mencukupi sekalipun, namun tidak mempunyai jaringan telekomunikasi yang baik juga tetap akan jadi penghalang dalam pelaksanaan PdPr secara online. Persekutuan kawasan Kota Kinabalu yang di kelilingi laut turut memberi impak kepada kesukaran untuk mendapat jaringan internet yang baik ketika PdPr berlangsung. Justeru, seluruh pihak dan kementerian yang berkaitan perlulah membuat penambahbaikan dalam pelbagai aspek bagi melestarikan kelangsungan PdPr ini tercapai untuk setiap pelajar. Walau bagaimanapun, pelajar juga perlu meningkatkan tahap disiplin diri serta mengubah sikap untuk terus berusaha dalam pelajaran agar PdPr secara online yang dijalankan dapat memberikan nilai tambah kepada pengetahuan sedia ada pelajar.

Penghargaan

Jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Sabah dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa atas kelulusan geran Skim Dana Khas (SDK0259-2020) bagi memudahkan kajian ini dijalankan.

Rujukan

- Abdullah, N. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 13 Disember 2021.
- Ahmad Ali, H. R. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 15 Disember 2021.
- Aripin, M.A., & Bunyamin, M.A.H. (2020). 17 April. Transformasi Pendidikan dalam Krisis Pandemik Covid-19. <https://malaysiagazette.com/2020/04/17/transformasi-pendidikan-dalam-krisis-pandemik-covid-19/>. Tarikh Capaian 22 April 2020.
- Asimin, H. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 11 Disember 2021.
- Ayub, A. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 13 Disember 2021.
- Benedict, P. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 15 Disember 2021.

- Berita Harian. 15 April 2020. COVID-19: Guru mampu cari kaedah PdP terbaik, kreatif. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677581/covid-19-guru-mampucari-kaedah-pdp-terbaik-kreatif>. Tarikh Capaian 22 April 2020.
- Edwin, W. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 13 Disember 2021.
- Fung, Y. V. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 13 Disember 2021.
- Ganam, R. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 11 Disember 2021.
- Ghazali, S. F. M. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 11 Disember 2021.
- Gunting, N. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 13 Disember 2021.
- Halim, R. A. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 13 Disember 2021.
- Ismail, H. (2020). Covid-19 Pemangkin Perubahan dalam Pendidikan. <https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/covid-19-pemangkinperubahandalam-pendidikan/>. Tarikh Capaian 22 April 2020.
- Ismail, M. F. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 13 Disember 2021.
- Ismail, M. H. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 11 Disember 2021.
- James, A. B. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 14 Disember 2021.
- John, M. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 13 Disember 2021.
- Juil, F. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 14 Disember 2021.
- Jumaring, S. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 13 Disember 2021.
- Kian, L. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 14 Disember 2021.
- Kiang, J.C.H. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 11 Disember 2021.

- Lee, T. Y. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 13 Disember 2021.
- Ling, L. K. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 16 Disember 2021.
- Lumbidau, J. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 14 Disember 2021.
- Mohammad, M. N. H. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 12 Disember 2021.
- Moharam, M.M.H., Mokhtar, S., & Thia, K. (2021). Pendekatan Kaedah Interaktif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Abad Ke-21 di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kota Kinabalu. Prosiding 5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021. 03 - 05 August 2021. 408-418.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Abu Bakar, A. L., & Esa, M. S. (2021b). Kelangsungan Pengajaran dan Pembelajaran Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Penularan Covid-19 Menerusi Online: Satu Resolusi Kementerian Pendidikan Malaysia. *Journal of Information System and Technology Management*, 6 (23), 34-46.
- Mokhtar, S., Shah, M.K.M., Ramlie, H.A, Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S. & Marinsah, S. A. (2021d). Rekayasa Dakwah KBAT dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*. Volume 6 Issue 39 (May 2021). 178-193.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I.W., & Moharam, M.M.H. (2021a). Prospek dan Cabaran Implementasi Dakwah dalam Media Kontemporari: Satu Analisis. Prosiding 5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021. 03 - 05 August 2021. 408-418.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I.W., & Moharam, M.M.H. (2021c). Prospek Pengajaran dan Pembelajaran Online Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pandemik Covid-19 di Sandakan, Sabah: Cabaran dan Signifikan. Prosiding 5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021. 03 - 05 August 2021. 348-359.
- Mokhtar, S., Thia, K., Ramlie, H.A., & Muis, A.M.R.A (2019). Falsafah Pendidikan Islam Merentas Kurikulum Alaf Ke-21. Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Kemanusiaan Kali ke-2. 19 September 2019. Grand Borneo Hotel, Kota Kinabalu.
- Muris, J. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 11 Disember 2021.
- Ping, Y.F. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 14 Disember 2021.
- Sabran, M.S. (2020). Berita Harian. 24 Mac. Covid-19: Kreatif Laksanakan Pembelajaran, Pengajaran dalam Talian. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/03/668855/covid-19-creatiflaksanakan-pembelajaran-pengajaran-dalam-talian>. Tarikh Capaian 22 April 2020.

- Shamsudin, N.Q. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 13 Disember 2021.
- Shang Ni, I. L. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 14 Disember 2021.
- Sidin, R., & Mohamad, N.S. (2007). ICT dalam Pendidikan: Prospek dan Cabaran dalam Pembaharuan Pedagogi. *Jurnal Pendidikan* 32 (2007) 139-152.
- Sinar Harian. 22 April 2020. PKP: Guru Semakin Jinak dengan Pendidikan Digital. <https://www.sinarharian.com.my/article/80070/BERITA/Nasional/PKP-Gurusemakin-jinak-dengan-pendidikan-digital>.
- Sukudan, A. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 13 Disember 2021.
- Sulaiman, E. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 15 Disember 2021.
- Timan, R. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 11 Disember 2021.
- Tshin, L. Y. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 13 Disember 2021.
- Yassun, R. (2021). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 13 Disember 2021.